

## Hidupkan Pendidikan Islam

Rencana ini sengaja kami nukil dari “*Berita Indonesia* salah sebuah risalah sebaran yang dikeluarkan oleh “Bahagian Penerangan Kedutaan Republik Indonesia Kuala Lumpur”. Memandang bahawa isinya baik untuk menjadi tatapan pembaca Qalam yang budiman, yang setahu kami selama ini “*Berita Indonesia*” atau lain-lain risalah sebaran yang diterbitkan oleh kedutaan tersebut belum pernah ikut menyarankan agama di tanah air kita.

Bahawa manusia itu baharu menjadi manusia yang baik dan sempurna jika ia mendapat pengajaran dan pendidikan yang baik dan sempurna pula. Dan sebaik-baik pengajaran dan pendidikan ialah pengajaran dan pendidikan agama.

Pengajaran dan pendidikan agama inilah yang dapat membawa manusia kepada kebahagiaan yang sebenar-benarnya di dunia dan akhirat. Dengan agama manusia diajar dan dididik bersifat suci, berakhlak jujur dan berbudi pekerti tinggi serta diajar mengasihi dirinya dan juga mengasihi orang lain. Manusia yang terpelajar dan terdidik ialah manusia yang mengasihi dirinya kerana orang lain dan mengasihi orang lain kerana dirinya. Manusia yang terpelajar dan terdidik ialah manusia yang merasa bahagia dan mujur dengan adanya orang lain bersama-sama dengan dia.

Adakah sifat dan akhlak ini pada umat kita sekarang ini? Barangkali ada banyak yang sebaliknya.

Pada saat ini umumnya umat manusia hidup di dalam suasana di mana tiap-tiap orang merasa seolah-olah mendapat malapetaka besar jika ia harus hidup bersama-sama dengan orang lain. Hidupnya terasa terdesak

jika di sampingnya ada orang lain yang ingin hidup bersamanya.

Sifat yang jelik ini adalah akibat dari rosaknya akhlak dan pendidikan. Rasa kasih sayang, rasa percaya-mempercayai antara sesama, dapat dikatakannya sudah lenyap sama sekali dari masyarakat bangsa manusia, dan menggantikan pada tempatnya rasa curiga-mencurigai, kkuatir-mengkkuatiri yang terlahir dari perasaan was-was dan syak wasangka yang bukan-bukan.

Hal-hal yang demikian ini tentu akan dapat terkikis jika kita mendapat pendidikan yang baik terutama pendidikan agama yang benar. Dan tentu sahaja akibat dari kesemuanya ini akan menimbulkan rasa harga-menghargai, kasih sayang sesama kita yang menjelmakan rasa persatuan, persatuan keinginan dan persatuan keperluan bahkan persatuan dalam tujuan hidup. Tiap-tiap orang akan merasa bahawa ia mempunyai kewajiban yang harus ditunaikannya sebaik-baiknya untuk dirinya dan untuk sesamanya.

Negeri dan tanah air kita sebetulnya bukanlah negeri yang miskin. Di sini tidak ada dingin yang menembus tulang dan tidak ada panas yang membakar badan.

untuk sekadar mendapatkan keperluan hidup orang boleh menghasilkannya dengan mudah. Tetapi mengapa penduduknya miskin dan sengsara? Miskin dan sengsara lahir dan batin, miskin dan sengsara akal fikiran, miskin dan sengsara jiwa dan raga. Perompak dan pembegalan, perzinaan, pencurian, peminuman dan apalah lagi yang tidak? Undang-undang dan peraturan penjaga keamanan cukup dibuat. Tetapi tidak besar hasilnya untuk mencegah segala macam kejahatan itu.

Memang para pembaca yang budiman, segala macam undang-undang hukum pelanggaran yang dibuat dan ditetapkan oleh negara-negara di dunia memberi hukuman atas bermacam-macam pelanggaran tidak dapat diharapkan untuk memberi dan menjadi pelajaran dan pendidikan atas umat dan rakyat di dalam sesuatu negeri. Tetapi undang-undang yang sungguh-sungguh berguna bagi kemaslahatan umum dan perbaikan masyarakat ialah dasar-dasar dan pengajaran-pengajaran yang baik terutama pengajaran dan pendidikan agama. Jika ini tidak ada atau tidak sempurna, janganlah diharapkan adanya keamanan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya dalam masyarakat apa pun juga.

Bahkan ilmu pengetahuan yang sebenar-benarnya ialah ilmu yang dapat mendidik orang pandai berhubungan dan bergaul dengan bangsa sesamanya, ilmu yang dapat menginsafkan seseorang untuk mengenal dirinya siapa dia dan siapa orang-orang yang berada di sekelilingnya, sehingga dari situ dapat terbentuk perasaan yang satu dan pertalian yang satu yang dinamakan persatuan. Sesungguhnya tabiat hidup manusia sendiri memang menuntut adanya tali perhubungan persatuan kekeluargaan, yang bertali-tali dan

bercabang-cabang ke atas dan ke bawah sehingga merata ke seluruh umat dalam masyarakat.

Untuk melaksanakan ini haruslah orang dapat mempelajari dan mengetahui hakikat wujud perhubungan itu betapa erti dan betapa pentingnya. Jika pengetahuan dan pengertian tentang ini telah mendalam menjadi darah daging pada diri tiap-tiap orang baharulah di situ terlahir kemenangan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya.

Tetapi bagaimana dapat dilaksanakan perhubungan dan persatuan yang demikian di dalam masyarakat yang keruh, yang akhlak umatnya sangat rosak?

Jika buah yang baik hanya terdapat pada pohon yang sangat subur hidupnya, yang masih utuh dahan dan rantingnya, masih segar urat tunggang<sup>1</sup> dan akar-akarnya, maka baik hanya terdapat dari akhlak dan budi pekerti yang baik dan utama.

Kita, kaum Muslimin, jika sungguh-sungguh menginginkan persatuan yang baik dan kukuh kuat, marilah kita usahakan menghidupkan dan menyuburkan pengajaran dan pendidikan agama yang sebenarnya di dalam kalangan masyarakat kita. Dengan adanya pendidikan agama ini baharulah kita dapat menghasilkan dan memetik buah persatuan yang lazat cita rasanya. Dan sebaliknya, dengan tidak adanya pendidikan agama, segala harapan untuk perbaikan dan persatuan hanya akan sesia belaka, segala cita-cita hanya akan tinggal menjadi cita-cita, segala keinginan hanya tinggal menjadi keinginan.

Segegap umat manusia di dunia, boleh dikatakan

---

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah tunjang

pandai dan cekap semua memainkan lakon hidupnya, sebagai makhluk hidup. Tetapi sedikit daripada mereka, ya sedikit sekali yang mempunyai kecerdasan akal yang sempurna dan yang mempunyai budi pekerti yang utama. Kekurangan dalam hal ini hanya dapat diusahakan dan dipenuhi dengan pengajaran dan pendidikan juga adanya.

Pengajaran dan pendidikan yang kita maksudkan bukanlah hanya terbatas untuk anak lelaki sahaja tetapi juga untuk anak perempuan. Allah *subhānahu wa Ta'ālā* sendiri tidak membezakan kedua jenis ini dalam hak dan kewajipannya terhadap agama dan masyarakat. Sebagaimana hal ini dapat kita ketahui dari ayat al-Qur'ān yang ertinya: "Kaum perempuan itu mempunyai tanggungjawab dan kewajiban yang seimbang dengan haknya dalam kebajikan dan keutamaan."

Dan banyak lagi ayat-ayat al-Qur'ān yang lain yang menyatakan adanya persamaan antara lelaki dan perempuan dalam kewajiban dan tanggungjawab yang bererti dengan urusan keagamaan dan keduniaan. Kerana itu para pembaca yang terhormat perempuan yang tidak berpendidikan atau kurang sempurna pendidikan bukan sahaja merugikan dirinya sendiri tetapi juga merugikan dan merosakkan akhlak dan budi pekerti turunannya serta membahayakan umat dan masyarakat seluruhnya.

Perempuan yang bodoh merosakkan akhlak anaknya dengan tidak dirasainya dengan dan disengajakan kerana kebodohnya.

Akibat dari kurangnya pendidikan di kalangan kaum

wanita kita kini dapat kita rasakan keaibannya di sekitar kita.

Maka tidak ada jalan lain yang dapat menyelamatkan kita dari bahaya kerosakkan akhlak dan budi pekerti yang kita alami sekarang melainkan dengan kembali menghidupkan pendidikan yang baik dan persatuan yang kukuh dan kuat dalam kalangan sesuatu umat.

Menginginkan adanya persatuan dan ketekunan dalam masyarakat yang demikian keadaan anggota-anggotanya sama dengan menginginkan buah yang manis dari pohon kayu yang telah dipungkas dahan ranting dan urat akarnya.

Alhasilnya jika kita benar-benar menghendaki hidup yang baik dan berbahagia untuk selama-lamanya adalah kewajiban kita yang pertama yang terpenting dalam usaha ke arah itu ialah memperbaiki akhlak dan budi pekerti umat kita dengan pengajaran dan pendidikan umumnya, pengajaran dan pendidikan agama khususnya.

Mudah-mudahan kita selalu dijauhkan dari kesesatan dan kejahilan.

**SUDAH TERBIT!**

**PERSURATAN MELAYU III**

**DRAMA**

**Harga \$7.00**

Pesan kepada:—

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14.